

BAB TIGA

SYARIKAT ANUGERAH MEDIA NETWORK DAN SALAM NUSANTARA TV1

3.0 ANUGERAH MEDIA NETWORK SDN. BHD.

Syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. (AMN) telah diperbadankan pada 31 Mac 1995 sebagai sebuah syarikat penerbitan milik bumiputera sepenuhnya dengan modal berbayar sebanyak RM4.3 juta. Ia merupakan syarikat penerbitan media setempat yang menawarkan pelbagai perkhidmatan termasuk media cetak, elektronik dan multi media. Syarikat ini terlibat secara aktif di dalam penerbitan rancangan TV sejak 1995. (lihat lampiran 1)

Antara dokumentari terbitan syarikat ini ialah;

- a. Tamadun Islam –1995 - tayangan TV 1
- b. Laluan Sutera – 1998 – tayangan TV 1
- c. Kota warisan – 1998 – tayangan TV 1
- d. Islam Di Nusantara –1999 – tayangan TV 1
- e. Salam Nusantara – Kemboja – 2000 - tayangan TV 1
- f. Salam Nusantara 2 – Lembah Chao Phraya –2000 – tayangan TV 1

- g. Salam Nusantara 3 – Singapura – 2001 – tayangan TV 1
- h. Salam Nusantara 4 – Sumatera – 2001 – tayangan TV 1
- i. Salam Nusantara 5 – Minangkabau – 2001 – tayangan TV 1
- j. Salam Nusantara 6 – Brunei – 2001 – tayangan TV 1

Selain itu syarikat ini juga menyediakan perkhidmatan media seperti mengarah klip video. Antaranya ialah klip video Raihan bertajuk *Puji-Pujian dan Selawat* untuk album Puji-Pujian pada tahun 1997. Klip video *Bismillah* kumpulan Hijaz pada tahun 1997.

Visi dan misi syarikat ini terangkum melalui perkara berikut;

- a. Menggerakkan media massa berorientasikan pendidikan melalui penerbitan bahan bercetak, rancangan TV, serta produksi video, audio dan multimedia yang berkualiti dan berpengisian.
- b. Menggunakan pendekatan menghibur, mendidik dan memberi maklumat.
- c. Menghasilkan produksi yang mencangkupi keperluan dan menepati citarasa pelbagai peringkat masyarakat.
- d. Menjadi pusat sehenti penerbitan media.

Kejayaan manis syarikat ini ialah apabila siri Salam Nusantara terbitan syarikat ini menenangi Anugerah Sri Angkasa kategori penyuntingan terbaik bagi tahun 2001.

Syarikat ini juga mendapat kontrak menguruskan penerbitan bahan bercetak terutama majalah *Pendidik* dan *Cahaya* keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia – JAKIM sejak 1998 yang lalu. Mereka juga diberi kepercayaan menguruskan penerbitan laporan tahunan Bank Rakyat pada tahun 1999 dan laporan tahunan Lembaga Tabung Haji tahun 2000.

Antara pihak lain yang pernah mendapat khidmat media daripada syarikat ini ialah;

1. Kementerian Kerja Raya Malaysia

- Menyediakan poster Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia ketujuh (1996) dan kelapan (1997)
- Buletin Kerja Raya
- Laporan Tahunan 1995 dan 1996

2. Tenaga Nasional Berhad

- Kempen dan Promosi Majlis Tilawah Al-Quran 1996 dan 1997

3. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar

- Lagu tema Program *Desa Wawasan*
- Klip Video *Desa Wawasan*

4. Jambori Pengakap Rantau Asia

- Kempen Jamboree 18th APR/9th Malaysia National 1997

Sesungguhnya sebagai sebuah syarikat milik bumiputera sepenuhnya, syarikat ini mempunyai lesen FINAS no pendaftaran 09647 an Kementerian Kewangan mengikut kod perniagaan berikut

010100 – Bahan Bacaan (pembekal)

010201 – Alatalis (tidak termasuk borang/kerts komputer) Pembekal

220701 – pengeluaran filem-filem

220702 – Rakaman

220704 – Audio Visual

221001- Pengatur Huruf (pembuat)

221500 – Pengiklanan (Perkhidmatan)

221502 – Media Cetak (perkhidmatan)

(Lihat Lampiran 2)

3.2 DOKUMENTARI SALAM NUSANTARA

Bagi tujuan penyelidikan ini, penyelidik akan membuat kajian mengenai penerbitan siri dokumentari di stesyen televisyen kerajaan dengan memberi tumpuan kepada penerbitan siri *Salam Nusantara* yang disiarkan di TV1. Siri ini sudah pun memasuki musim ke-6 sejak ia mula ditayangkan pada tahun 1999 hingga tahun 2002.

JADUAL TAYANGAN SALAM NUSANTARA

RANCANGAN/ NEGARA	TAYANGAN
Salam Nusantara – Kemboja	3/2/2000 – 28/4/2000
Salam Nusantara 2 – Lembah Chao Phraya	5/5/2000 – 28/7/2000
Salam Nusantara 3- Singapura	19/11/2000 – 11/02/2001
Salam Nusantara 4 – Sumatera	14/05/2001 – 6/8/2001
Salam Nusantara 5 – Minangkabau	13/8/2001 – 5/11/2002
Salam Nusantara 6 – Brunei	24/12/2001 – 25/3/2002

(Lihat lampiran 3)

Analisis program yang dilakukan oleh AC Nielsen Telescope pada 2000 mendapati siri *Salam Nusantara* berkedudukan ke-11 daripada 74 rancangan majalah dan dokumentari televisyen yang diterbitkan oleh stesen televisyen di negara ini. Lebih 300,000 penonton siri ini setiap minggu walaupun waktu tayangannya agak lewat iaitu pada 11.15 malam.

3.2.1 OBJEKTIF

Antara objektif utama penerbitan siri **Salam Nusantara** ialah;

- i. Menyingkap sejarah ketamadunan Islam di negara-negara dalam kawasan Nusantara sejak dahulu hingga ke zaman perkembangan Islam kini.
- ii. Merakamkan kesan-kesan sejarah sambil menyungkil hikmah di sebalik keindahan geografi, ragam kehidupan masyarakat dan pusat-pusat pengajian yang berkembang di Nusantara.
- iii. Mengambil iktibar dan pengajaran daripada peristiwa sejarah dan semasa di negara-negara Nusantara sebagai perbandingan dengan kejayaan dan kemajuan yang dicapai oleh negara Malaysia kini.
- iii. Menjadikan kejayaan umat Islam di Nusantara di dalam pelbagai bidang sebagai contoh teladan dan motivasi diri umat Islam di Malaysia bagi meningkatkan kualiti diri sesuai dengan ajaran Islam yang menggalakkan umatnya berjihad membasmi kejahilan.

- iv. Sebagai satu usaha bagi meningkatkan hubungan dua hala antara Malaysia dan negara-negara lain di Nusantara sesuai dengan semangat ASEAN yang cintakan kehidupan yang aman dan damai.
- v. Mendidik masyarakat dengan kisah-kisah iktibar yang boleh menjadi pengajaran dan panduan hidup pada masa hadapan.

3.2.2 SINOPSIS

Salam Nusantara adalah sebuah dokumentari yang menceritakan perkembangan masyarakat di negara-negara Nusantara pada masa kini terutama perkembangan dan perjuangan Islam masyarakat tempatan. Contohnya dalam *Salam Nusantara* 2 episod Thailand, penekanan diberikan dalam aspek sejarah, sosial dan budaya umat Islam di kawasan tengah Thailand. Mereka berbeza latar belakang dan asal usul dengan umat Islam di Selatan Thailand. Umat Islam di selatan Thailand berketurunan Melayu dan sangat rapat dengan budaya dan sejarah negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu sementara umat Islam di kawasan Lembah Chao Phraya –kawasan tengah Thailand lebih terdedah kepada budaya masyarakat Thai tempatan.

Sesuatu yang menarik untuk dikaji ialah kebanyakan keluarga umat Islam di kawasan tengah Thailand adalah berasal daripada tawanan perang yang dibawa ke Ayuthia dan Bangkok pada kurun ke 18 dan 19 masih selepas

kerajaan Siam mengalahkan kerajaan Melayu Pattani dan Satun. Walaupun identiti bahasa dan budaya Melayu telah hilang daripada mereka namun begitu akidah Islam masih dapat mereka pertahan dan sebarkan. Mereka telah berkahwin campur dengan orang Thai tempatan dan lebih gemar digelar sebagai orang 'Thai Muslim'.

Walaupun 'Thai Muslim' tergolong dalam kelompok minoriti namun ia bukan masalah dan halangan untuk maju. Mereka gigih berusaha menyebarkan ajaran Islam dan mewujudkan pelbagai kegiatan ekonomi terutama di dalam bidang makanan halal, perubatan, perbankan, pelancongan, perhotelan, penerbitan media cetak, siaran radio dan rancangan TV. Mereka turut mengambil bahagian yang aktif di dalam politik Thailand di mana sehingga kini terdapat 18 orang wakil rakyat Muslim di parliment Thailand.

3.2.3 RANGKA SKRIP

Setiap episod Salam Nusantara mempunyai kelainan dari segi persembahan tetapi tetap membuat liputan mengenai kejayaan umat Islam di Nusantara. Rangka skrip disediakan untuk memberi gambaran menyeluruh mengenai kandungan setiap episod.

- i. **Episod 1 - pengenalan** – memaparkan sejarah kedatangan dan asal usul umat Islam Bangkok yang lebih suka digelar Thai Muslim. Memperkenalkan kota Bangkok dan pelbagai wajah serta ragam hidup penduduknya.
- ii. **Episod 2 – Perkampungan Islam Contoh** – Qariah masjid Kamalul Islam Sai Kong Deen, Minburi telah mendapat pengiktirafan sebagai kampung contoh. Sehari bersama Acan Marwan Samaun, Imam masjid Kamalul Islam yang juga seorang senator dan tokoh masyarakat Islam Thailand.
- iii. **Episod 3 – Sejarah, peranan dan kedudukan jawatan Sheikhul Islam Thailand** – Kemajuan jabatan/pejabat Sheikhul Islam dalam meninggikan syiar Islam di Thailand. Juga bertanggungjawab dalam pengesahan tanda halal makanan yang turut menjadi antara eksport utama Thailand yang bernilai 20,000 juta Baht setahun.
- iv. **Episod 4 – Pendidikan Islam di Kota Bangkok** – Menyingkap peranan pendidikan Islam tradisi dan moden di Madrasah Dirasah Diniah, Nonchok dan Madrasah Latifuddin, Ta-et, Nonthanburi ke arah jatidiri umat Islam Thailand.

v. **Episod 5 – Kegiatan Dakwah kepada bukan Islam – Peranan Yayasan Santichon** sebagai badan yang menjalankan pelbagai kegiatan untuk mengenalkan Islam kepada bukan Islam di Bangkok. Yayasan Santichon mempunyai sekolah, hospital dan kegiatan ekonomi yang berjaya.

vi. **Episod 6- Bila Nur Melimpah di Hati – Menyingkap pencarian seorang gadis, Sirrwi'pa @ Fatimah dalam mencari kebenaran.** Pada awalnya keluarga menolaknya kerana memeluk agama Islam tetapi kemudian dengan hasil penerangan yang penuh hikmah, mereka akhirnya menerima. Sikap toleransi kerajaan Thailand dalam urusan agama.

vii. **Episod 7 -Dakwah dan Tarbiah melalui Media – Melihat pelbagai kegiatan penerbitan media cetak dan elektronik Islam.** Akhbar *Muslim Guidance* dan majalah *Al-Hidayah* sebagai gelanggang berdakwah kepada masyarakat Islam. Siaran radio Islam dan rancangan TV berunsur Islam yang menjadi program alternatif masyarakat Islam.

viii. **Episod 8 -Industri Makanan Halal – Penyembelihan ayam dan perusahaan burger serta sosej halal IBF – Ibrahim Halal Food Product Co.Ltd.** Melawat kilang di Bangphlee, Samudprakarn dan meninjau aktiviti perniagaan dan penyembelihan daging lembu dan kerbau untuk pasaran tempatan dan luar negara.

ix. Episod 9 - Kompleks Pusat Islam dan Musafir Khana – Pengurusan pusat Islam sebagai nadi perkembangan Islam- melambangkan sikap toleransi kerajaan Thailand terhadap kebebasan beragama. Pandangan Sheikhl Islam tentang sikap Raja Thai yang suka kepada persaudaraan Islam.

x. Episod 10 - Poliklinik dan Hospital Islam – Klinik yayasan Santichon yang diuruskan oleh tenaga sukarela, terdiri daripada pegawai perubatan Islam di Bangkok. Cabaran membina hospital Islam- bukan sekadar merawat fizikal tetapi juga keperluan mendidik hati manusia.

xi. Episod 11 - Perkembangan sejarah umat Islam di Ayuthaya – Meninjau penempatan umat Islam di ibu kota lama Thailand. Bagaimana umat Islam di sini terus bersaing dengan masyarakat kaum lain. Tinggalan pejuang Islam terdahulu yang mula-mula membawa Islam ke sini. Mengimbangi pengamalan tarekat sufi dan keperluan semasa di sana.

xii. Episod 12 - Keterlibatan umat Islam dalam Industri Perhotelan dan apartment – Umat Islam Bangkok mula menceburi industri perhotelan dan pelancongan. Contoh terbaik Hotel *New World Lodge*, Bangkok, Hotel *Al-Farouk* Chiengmai dan apartment *MS Mansion* Klong Tan.

xiii. Episod 13 - Perjuangan melalui Jalur Politik – Kebebasan agama
dalam perlembagaan Thailand membuka ruang untuk memperjuangkan
nasib umat Islam melalui peruntukan undang-undang secara demokrasi.
Fokus kepada speaker parlimen dan Menteri Luar yang beragama Islam.
Keperluan umat Islam untuk berada dalam parti pemerintah dan
pembangkang di Thailand.

Penerbitan Salam Nusantara telah memberi kesan yang baik dari segi hubungan antara negara-negara Asia Tenggara. Semasa tayangan Salam Nusantara di TV1 episod Kemboja, ia turut menyedarkan masyarakat Malaysia mengenai penderitaan umat Islam Kemboja yang baru lepas daripada perang. Terdapat pihak-pihak yang menghulurkan derma dan sebuah tabung khas, Tabung Ehsan Kemboja telah ditubuhkan. Melalui tabung ini, bantuan terus disalurkan ke Kemboja untuk membantu membangunkan semula masyarakat Islam Kemboja yang menderita selepas perang.

Selain itu Salam Nusantara juga turut membantu meningkatkan kerjasama antara ahli perniagaan di negara-negara Asia Tenggara. Bahkan kejayaan yang dicapai oleh umat Islam di Thailand dan turut menjadi pengajaran kepada masyarakat remaja Islam di Malaysia.